



Roti oh roti: Peniaga ambil kesempatan tukar tanda harga

27/03/2020 06:33 PM

KUALA LUMPUR, 27 Mac -- Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, roti menjadi makanan pilihan rakyat kerana ia sedia di makan, menjadikannya makanan rebutan dan agak sukar didapati di pasaran.

Dalam situasi begini terdapat segelintir peniaga kedai runcit yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga roti sesuka hati.

Terbaharu, Muhammad Danial Ariff dengan akaun Facebooknya Amätsü Chi telah menularkan bukti pembelian roti Gardenianya di sebuah kedai runcit di kawasan Kg. Melayu Subang, Shah Alam semalam.

Beliau ketika dihubungi hari ini memaklumkan bahawa aduan telah dibuat kepada pihak KPDNHEP dan pihak Gardenia untuk tindakan.

"Harga roti Original Classic Jumbo yang dikeluarkan oleh pihak Gardenia adalah RM3.55. Tetapi di kedai runcit ini mereka tampal harga baru iaitu RM4.40," cerita Danial